

# **KUKUM TUAN RUMAH MESYUARAT REKTOR-REKTOR KOLEJ UNIVERSITI**

Pada 13 November 2002, Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia telah diberi penghormatan untuk menjadi tuan rumah Mesyuarat Rektor-Rektor Kolej Universiti seluruh Malaysia. Mesyuarat yang telah dipengerusikan oleh Y Bhg. Datuk Prof. Dr Mohd. Rudein Abdul Ghani (Rektor KUTKM) turut dihadiri oleh Rektor-Rektor, Timbalan-Timbalan Rektor dan Pendaftar dari semua Kolej-Kolej Universiti termasuk Y Bhg. Prof. Dr Kamarudin Hussin.

Pelbagai aktiviti sampingan telah diatur sempena mesyuarat ini. Deligasi mesyuarat juga turut dibawa melawat sekitar kampus KUKUM dan juga tempat-tempat menarik di negeri Perlis. Disamping itu mereka juga telah dibawa melawat ke Universiti Thaksin di Songkla, Thailand.

KUKUM berbangga kerana diberi penghormatan sebagai tuan rumah mesyuarat tersebut dan mengharapkan semua deligasi yang hadir berpuas hati semasa berada di sini.